

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS JAM 7.30 MLM INI - 18 OKT)

1977
KUALA LUMPUR, 18 OKT (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI BAHAWA KEBEBASAN KEHAKIMAN JUGA MEMBERI MAKNA KEBEBASAN PERUNDANGAN DARI KEHAKIMAN.

MENURUTNYA, TERDAPAT BEBERAPA INSTITUSI YANG INGIN MEMPUYAI KUASA AUTONOMI YANG BERPEGANG KEPADA KEPERCAYAAN BAHAWA PIHAK LAIN TIDAK HARUS CAMPURTANGAN DALAM HAL EHWAL MEREKA SEDANG MEREKA PULA BOLEH MENCAMPURI ATAU MENGAMBIL ALIH TUGAS PIHAK LAIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MEMPENGERUSIKAN CERAMAH PERTAMA PERINGATAN TUN ABDUL RAZAK OLEH HAKIM E.M. FERNANDO DARI FILIPINA DI UNIVERSITI MALAYA MALAM INI.

KATANYA, 'SEMENTARA PIHAK PERUNDANGAN TIDAK HARUS MEMAINKAN PERANAN KEHAKIMAN ATAU BERTINDAK MENGARAHNYA, PIHAK KEHAKIMAN PULA JANGANLAH CUBA MENEKANKAN PANDANGANNYA KE ATAS PIHAK PERUNDANGAN.

'TINDAKAN DEMIKIAN TERUTAMA BILA DISERTAI DENGAN GERTAKAN, AKAN MENGAKIBATKAN KEKELIRUAN PERANAN DAN AKHIRNYA MERUNTUHKAN KEBEBASAN KEHAKIMAN SENDIRI,' TAMBAH BELIAU. — BERNAMA 1720/YF

££

B574

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA ADALAH SESUAI SIRI CERAMAH TAHUNAN INI YANG DULUNYA DIKENALI SEBAGAI CERAMAH PERINGATAN BRADDEL, BILA DIADAKAN DI KUALA LUMPUR, DITUKAR NAMA SEMPENA TUN ABDUL RAZAK.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, ALLAHYARHAM TUN ABDUL RAZAK BUKAN SAJA MERUPAKAN SEORANG AHLI POLITIK TETAPI JUGA PEGUAM.

'JIKA BELIAU MENYERTAI BIDANG UNDANG-UNDANG, SAYA PERCAYA IA TENTU MENJADI TERKENAL, TETAPI SEBALIKNYA IA MEMILIH UNTUK MENGGUNAKAN LATIHAN UNDANG-UNDANGNYA DI BIDANG TADBIRAN NEGARA,' TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TUN RAZAK MERUPAKAN SEORANG GURU DAN SAHABAT YANG AMAT BERNILAI PADANYA.

'ALLAHYARHAM TUN ADALAH SEORANG AHLI POLITIK YANG BIJAK, PENTADBIR YANG CEKAP DENGAN KEMAMPUAN MELAKSANAKAN IMPIAN MENJADI KENYATAAN, SEORANG DEMOKRAT TULEN, DAN DENGAN MELIHAT BERBAGAI TINDAKANNYA BELIAU JUGA MERUPAKAN SEORANG NEGARAWAN DI MALAYSIA DAN DI DUNIA ANTARABANGSA,' TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN ALLAHYARHAM TUN JUGA MEMAINKAN PERANAN BESAR DALAM MENGGUBAL PERLEMBAGAAN SEKARANG YANG TELAH HIDUP SEJAK 20 TAHUN LALU SEBAGAI SATU DOKUMEN HASIL USAHA YANG MAHIR. — BERSAMBUNG 1725/YF

B575

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

'BAGAIMANAPUN, PERISTIWA SEKARANG MEMBUAT SAYA BERFIKIR BAHAWA PERLEMBAGAAN KITA HENDAKLAH JUGA MENYEBUT TUGAS-TUGAS WARGANEGARA TERHADAP NEGERI INI DAN TERHADAP SATU SAMA LAIN, SEBAGAIMANA, SAYA PERCAYA, TERMAKTUB DALAM PERLEMBAGAAN FILIPINA,' KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENSIFATKAN KANUN TANAH NEGARA SEBAGAI SATU LAGI KEJAYAAN ALLAHYARHAM TUN DI BIDANG UNDANG-UNDANG.

KATANYA, DIPLOMASI DAN KEBIJAKSANAAN TUN TELAH DAPAT MENDORONG NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA MENYETUJUI UNDANG-UNDANG BERHUBUNG DENGAN TANAH YANG TERMAKTUB DALAM SATU DOKUMEN YANG DIPANGGIL KANUN TANAH NEGARA.

INI TIDAK SAJA SELESA KEPADA PARA PEGUAM TETAPI JUGA MEMUDAHKAN PARA PENTADBIR TANAH KERANA KEHIDUPAN RAKYAT BERGANTUNG KEPADANYA. — BERNAMA 1727/YF